



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
CAWANGAN SABAH

D/A Rumah Kelab MAKSAM, Jalan Istiadat Teluk Likas, P/S 280, 88856 Likas, Kota Kinabalu.
Tel.: 088-262997, 263010 Faks: 088-267052

Rujukan: PCS/PS/100-1/001. Kit 4 (41)

Tarikh: 1 Julai 2011

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri/Persekutuan
Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pengerusi Jawatankuasa Kecil PUSPANITA Cawangan Sabah

Senarai Edaran Seperti Di Lampiran

Yang Berbahagia Puan Sri / Datuk / Datin / Tuan / Puan,

LAWATAN AMAL KE RUMAH WARGA TUA SRI PRITCHARD KINARUT

Dengan segala hormatnya, dimaklumkan bahawa PUSPANITA Cawangan Sabah akan mengadakan Lawatan Amal ke Rumah Warga Tua Sri Pritchard, Kinarut pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 20 Julai 2011 (Rabu)
Masa : 9.30 - 12.00 tengahari
Tempat : Rumah Warga Tua Sri Pritchard, Kinarut
Pakaian : Pakaian Seragam/Pakaian Kerja/Baju Kurung

2. Sehubungan dengan itu, ahli-ahli PUSPANITA di Kementerian/ Jabatan/ Negeri/ Persekutuan/ Badan Berkanun/ Cawangan Daerah/ Daerah Kecil yang berminat untuk menyertai lawatan ini diminta untuk mengisi Borang Pengesahan Kehadiran. Penyertaan adalah terhad kepada 30 orang ahli PUSPANITA sahaja. Untuk makluman, pengangkutan adalah disediakan dan ahli yang terlibat dikehendaki berkumpul di perkarangan Wisma PUSPANITA Tanjung Aru pada jam 8.00 pagi dan dijangka bertolak ke Rumah Warga Tua Sri Pritchard Kinarut pada jam 8.20 pagi. Sukacita sekiranya ahli yang mengesahkan kehadiran hendaklah menunaikan kewajipan mereka untuk hadir bagi memudahkan pihak penganjur.

..2/-

Rujukan: PCS/PS/100-1/001. Klt 4 (41)

Tarikh: 1 Julai 2011

3. Bersama-sama ini disertakan Aturcara dan Borang Pengesahan Kehadiran untuk tindakan sewajarnya. Borang Pengesahan hendaklah dikembalikan pada atau sebelum **13 Julai 2011** kepada:-

- 3.1 Puan Otia Untong Tel: 088-222336 Faks: 088-222557
3.2 Puan Saulim Gutok Tel: 088-222337 Faks: 088-222557

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”

“WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT”

Yang benar,



(DATIN HAJAH HAIRANI BINTI HUSSAINI)

Pengerusi,
PUSPANITA Cawangan Sabah,

s.k Setiausaha Kerajaan Negeri
Merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 6, Wisma Innoprise
88817 KOTA KINABALU

Fail Jawatankuasa Kecil Kebajikan Cawangan Sabah

Lampiran

DHHH/mma